

## LAPORAN PERSIDANGAN MEJA BULAT PELAN PEMULIHAN NEGARA

Sesungguhnya, negara memerlukan satu strategi peralihan keluar daripada PKP ke arah Malaysia yang lebih baik berbanding tempoh pra-COVID-19. Walau bagaimanapun, APM berpendapat PPN kurang menyerlahkan pelan pelaksanaan yang komprehensif, merangkumi bidang kesihatan, ekonomi, pendidikan, sosial, governans dan politik. Justeru, satu Dialog Meja Bulat (RTD) telah dianjurkan oleh APM bagi mengemukakan cadangan untuk menambahbaik PPN.

### **Tarikh:**

3 Julai 2021

### **Peserta:**

RTD ini telah dihadiri oleh 24 orang profesor kanan dalam pelbagai bidang.

### **Hasil:**

Hasil daripada RTD ini adalah seperti yang dilaporkan. Ia telah dihantar kepada pihak kerajaan. Beberapa cadangan penambahbaikan jangka pendek, sederhana dan panjang dalam bidang-bidang tumpuan di atas telah dikemukakan. RTD menekankan pendekatan menyeluruh masyarakat (whole of society approach) atau pendekatan bawah ke atas sebagai pelengkap kepada pendekatan atas ke bawah. **Peranan NGO, komuniti dan pemimpin akar umbi perlu diperkasakan** untuk tidak hanya memantau SOP PKP tetapi juga berperanan penting untuk mendampingi masyarakat yang memerlukan bantuan segera dan yang menghadapi masalah tekanan hidup. RTD juga berpandangan terdapat keperluan untuk negara dalam **jangka sederhana** memulakan persediaan untuk menganggap **wabak COVID-19 sebagai satu endemik dan bukan lagi pandemik**.

# CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PELAN PEMULIHAN NEGARA

## Pengenalan

Laporan ini mengemukakan hasil Persidangan Meja Bulat (RTD) yang dianjurkan oleh Akademi Profesor Malaysia (APM) untuk mencadangkan beberapa penambahbaikan kepada Pelan Pemulihan Negara (PPN), yang diperkenalkan oleh kerajaan pada 15 Jun 2021. Cadangan yang dikemukakan meliputi lima bidang utama iaitu kesihatan, ekonomi, pendidikan, sosial, serta governans dan politik.

Secara umum, RTD yang diadakan mengemukakan idea yang COVID-19 perlu dianggap sebagai **suatu peluang kepada kita untuk melakukan reset atau reformasi** ke arah Malaysia yang lebih baik berbanding dengan keadaan pra-COVID-19.

Bagi menangani COVID-19, RTD menyarankan dua pendekatan iaitu pendekatan menyeluruh kerajaan (whole of government approach) dan pendekatan menyeluruh masyarakat (whole of society approach).

Sebagai strategi peralihan keluar daripada COVID-19, RTD menyarankan kepada kerajaan untuk tidak hanya memberikan penekanan kepada strategi jangka pendek tetapi juga strategi jangka sederhana dan panjang. Dalam jangka sederhana, ia juga harus mengambilkira usaha untuk membangun ekosistem dan prasarana yang diperlukan untuk **menerima kehadiran COVID-19 sebagai satu endemik dan hidup bersamanya**, bukan lagi sebagai pandemik sebagaimana yang kita hadapi sekarang.

## 1. Strategi Kesihatan

**Isu:** Malaysia masih bergelut untuk menangani COVID-19 dan menghadapi beberapa masalah seperti kes jangkitan harian yang kekal tinggi; bilangan kes kematian yang kian meningkat; penggunaan kapasiti kemudahan kesihatan yang telah berlebihan; bekalan vaksin yang mahal dan perlahan disebabkan oleh hakcipta dan strategi perniagaan syarikat farma gergasi global; ketergantungan terhadap import vaksin; kadar vaksinasi yang masih rendah; kebimbangan terhadap vaksin; ketiadaan protokol rawatan bagi pesakit COVID-19 kategori satu, dua dan tiga; serta kes bunuh diri yang meningkat.

### *Strategi Jangka Pendek*

**Cadangan 1a:** Memperkasakan komuniti bagi menangani COVID-19 dengan memanfaatkan unit kecil komuniti seperti kampung, kawasan perumahan, estet, seksyen dalam mukim dan kilang. Pemantauan oleh komuniti ini merangkumi beberapa kaedah berikut iaitu pangkalan data yang dijalinkan dengan MySejahtera; kerjasama agensi setempat seperti polis, ADUN, klinik kerajaan dan swasta, NGO/persatuan, pemimpin tempatan, sukarelawan dan pelajar/belia; penggemblengan penduduk tempatan; dan *citizen arrest* sekiranya perlu. Peruntukan boleh diberikan untuk membolehkan unit kecil ini

menggembeleng penduduk setempat supaya bertanggungjawab kepada komuniti masingmasing.

**Cadangan 1b:** Meningkatkan vaksinasi di kilang dan tempat kerja melalui pasukan vaksinasi bergerak dan sukarelawan MYVAC. Sekiranya terdapat kes jangkitan di kilang, strategi Gelung Tertutup “Kilang-Koridor Pengangkutan-Asrama Pekerja” perlu dilaksanakan di mana pekerja hanya boleh bergerak dari tempat tinggal ke kilang sahaja. Pengusaha kilang atau majikan bertanggungjawab untuk menguatkuasakan SOP serta melaksanakan vaksinasi, ujian saringan, kuarantin dan mendapatkan rawatan untuk pekerja dengan pemantauan oleh KKM, NIOSH dan NGO kesihatan pekerja.

**Cadangan 1c:** Meningkatkan imuniti dengan mengambil beberapa jenis vitamin dan herba, serta menggunakan ubat Ivermectin oleh Front Line COVID-19 Critical Care Alliance (FLCCC) bagi Prevention & Early Outpatient Treatment Protocol for COVID-19. Pemantauan penggunaan pakej ini diberikan kepada GP. Sebagai Exco dalam Malaysian Association of Functional and Integrative Medicine (MAAFIM) yang mempunyai lebih 260 keahlian, mereka bersedia untuk menjadi pemantau dan telah membangunkan satu *digital layout* untuk mencapai data ini.

**Cadangan 1d:** Melaksanakan pencegahan melalui promosi kesihatan dan pendidikan kesihatan mengenai vaksinasi, kepentingan 3M dan 3C, pemakanan seimbang, cara mencegah masalah mental dan kepentingan untuk meningkatkan senaman.

**Cadangan 1e:** Meningkatkan bilangan, kapasiti serta kesiapsagaan kemudahan ICU bagi merawat pesakit-pesakit COVID-19 di seluruh negara, sejajar dengan cadangan kami agar negara bersedia menerima pandemik COVID-19 ini sebagai endemik dalam jangka sederhana.

### ***Strategi Jangka Sederhana***

**Cadangan 1f:** Memperkasakan Klinik Kesihatan keluarga termasuklah Klinik Bergerak yang boleh dibantu oleh NGO, fakulti-fakulti perubatan dan perkhidmatan swasta. Selain itu, “patient-centred hospital management” perlu dielakkan supaya fokus rawatan kepada pesakit COVID-19 di hospital dapat dikurangkan serta-merta.

**Cadangan 1g:** Vaksin yang terkait dengan COVID-19 kini dianggap sebagai *global commons*. Justeru, negara tidak harus didominasi kuasa-kuasa monopoli firma-firma pengeluar vaksin atau farma gergasi. Malaysia perlu merangka strategi di arena antarabangsa untuk bersama-sama dengan negara-negara “like-minded” termasuk ASEAN untuk menuntut peruntukan *compulsory licenses* dalam kerangka TRIPS serta menyokong aktif usaha yang dibawa oleh Afrika Selatan dan India ke WTO untuk memohon pengecualian hakcipta intelektual bagi vaksin COVID-19.

**Cadangan 1h:** Merencana membangun ekosistem dan prasarana yang diperlukan untuk **menerima kehadiran COVID-19 sebagai satu endemik dan hidup bersamanya**. Di bawah senario ini selain dari meneruskan pendekatan kesihatan awam yang lazim, penekanan diberi kepada langkah-langkah menjaga kebersihan diri, amalan pemakanan yang

seimbang, dan amalan pemakaian pelitup muka di tempat sesak serta mengambil suntikan vaksin secara bermusim. **Namun demikian ia sama sekali tidak mengurangi kepentingan untuk negara terus berusaha meningkatkan kadar vaksinasi serta keperluan untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan kesihatan untuk perawatan pesakit-pesakit COVID-19.**

## **2. Strategi Ekonomi**

**Isu:** COVID-19 telah mendedahkan kelemahan struktur di Malaysia seperti pekerja yang berpendapatan rendah dan tiada simpanan; kumpulan B40 yang ramai hidup kais pagi makan pagi; bilangan penduduk yang ramai memiliki pekerjaan yang mudah terjejas; sokongan sosial kepada pekerja yang sangat tipis; sektor informal yang tidak berdaya tahan; PKS tidak lagi mampu bertahan dan sebahagiannya terpaksa gulung tikar; ekosistem pertanian makanan yang kurang dinamik; ketergantungan terhadap buruh asing yang menghambat pertumbuhan produktiviti serta menjejaskan peluang pekerja tempatan; dan isu kelestarian fiskal negara.

### ***Strategi Jangka Pendek***

**Cadangan 2a:** Secara umumnya, semua sektor ekonomi perlu dibenarkan untuk beroperasi berpandukan kadar vaksinasi dan jangkitan kes harian mengikut nilai ambang diperingkat negeri. Langkah menutup atau menghadkan operasi sektor ekonomi hendaklah dilakukan secara bersasar iaitu syarikat yang tidak mampu mematuhi SOP.

**Cadangan 2b:** Meningkatkan bantuan kewangan kepada golongan miskin tegar, B40 dan M40 secara bersasar, dan tidak secara 'blanket'. Tumpuan perlu diberikan kepada mereka yang telah kehilangan punca pendapatan. Moratorium automatik tanpa tambahan kos faedah perlu diberikan. Program bakul makanan ditukar kepada kupon makanan untuk memanfaatkan sepenuhnya nilai yang diperuntukkan untuk setiap bakul makanan dan mengurangkan kebocoran. Bakul makanan boleh diberikan kepada penduduk yang tinggal di wilayah pedalaman yang menghadapi kesukaran mendapatkan barang di samping kos pengangkutan yang mahal.

**Cadangan 2c:** Memberikan pengecualian cukai import/SST untuk barang-barang DIY (Do-it-yourself). PKP berupaya menggalakkan rakyat untuk menjadi mandiri, kreatif dan inovatif demi kelangsungan hidup seharian. Melalui DIY, ia juga mampu membentuk masyarakat berfikiran dan berbudaya keusahawanan.

**Cadangan 2d:** Penggunaan Kredit Komuniti atau Pemberi Pinjam Wang berdaftar perlu dielakkan. Bagi meningkatkan pinjaman, GLC boleh bekerjasama dengan pihak bank di mana wang/modal diperoleh dari GLC sementara pinjaman (kredit komuniti) diuruskan oleh bank, dan/atau oleh koperasi yang mempunyai hubungan dengan GLC tersebut. Bankbank yang sedia ada boleh menawarkan kredit kurang daripada RM20 ribu dan jika perlu dengan jaminan daripada pihak kerajaan/GLC dan insentif khas daripada pihak kerajaan. Koperasikoperasi yang besar boleh menyalurkan modal dan bekerjasama dengan

koperasikoperasi yang kecil (yang layak) supaya koperasi kecil juga mampu memberi kredit komuniti.

**Cadangan 2e:** Menyemarakkan pertanian bandar dengan menyediakan insentif galakan yang lebih luas bagi pengeluaran makanan terutama sayuran. Pertanian bandar mampu membantu menyokong sekuriti makanan negara, menjana pendapatan sampingan serta mengurangkan tekanan kos sara hidup bagi penduduk bandar.

### ***Strategi Jangka Sederhana***

**Cadangan 2f:** Melaksanakan reformasi ekonomi termasuklah menggalakkan penggunaan pekerja tempatan; mempercepatkan peralihan kepada ekonomi digital; memperuntukkan sokongan sosial kepada pekerja bawahan; menjadikan ekosistem pertanian makanan sebagai asas ekonomi berdaya tahan, keperluan sekuriti makanan disamping menjana pertumbuhan; serta melaksanakan langkah-langkah meningkatkan produktiviti dan kualiti.

**Cadangan 2g:** Badan-badan berkanun pertanian tradisi seperti Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) disaran membuat semakan fungsi dan *modus operandi* masing-masing untuk mengambilkira perkembangan dalam ekonomi digital, penjajaran kawasan kendalian, serta kepentingan sektor makanan dalam konteks sekuriti bekalan makanan, keselamatan makanan (food safety), dan kedaulatan makanan.

**Cadangan 2h:** Dari segi kelestarian fiskal negara, terdapat keperluan untuk negara mempertimbangkan kembali kerangka GST atau VAT (value added tax) dengan penambahbaikan tertentu dalam mekanisme perlaksanaan serta menangani potensi kesan regresif melalui pelbagai instrumen dasar yang lain.

### ***Strategi Jangka panjang***

**Cadangan 2i:** Era COVID-19 memberi pengajaran bahawa negara wajar beralih kepada paradigma pembangunan yang berorientasikan kesejahteraan masyarakat, keterangkuman, ketahanan dan kemapanan. Namun pada masa ini tidak kedapatan petunjuk makro yang boleh menyerlahkan sama ada negara sedang bergerak ke arah ini. Petunjuk GDP (KDKN) yang sedia digunakan hanya menyerlahkan pertumbuhan dan saiz sebuah ekonomi. Petunjuk prestasi makro yang mengukur kemajuan tulen (genuine progress) berasaskan kesejahteraan masyarakat dan kemampuan alam sekitar perlu dibangun agar dasar-dasar pembangunan negara akan dibentuk berpandukan matlamat ini.

## **3. Strategi Pendidikan**

**Isu:** Terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh sistem pendidikan negara pada era COVID-19 iaitu pembelajaran dan pengajaran dalam talian serta pentaksiran yang kurang berkesan; ketidaksediaan masyarakat untuk menghadapi PdPR dari segi kemahiran, peralatan dan hubungan internet; jurang digital di antara wilayah dan komuniti seperti di

kawasan-kawasan pedalaman dan golongan yang tidak mampu dalam kalangan B40 di luar bandar dan miskin bandar; kaedah penilaian pelajar; generasi murid yang hilang kemahiran sosial; komuniti yang ketinggalan dan terpinggir seperti komuniti orang asli; dan “lost generation”.

Pada peringkat pendidikan tinggi, cabaran utama yang dikenalpasti adalah tenaga pengajar yang tidak terlatih sepenuhnya untuk pendekatan pengajaran dan pembelajaran, lebih-lebih lagi dalam talian; pembelajaran yang kebanyakannya bersendirian tanpa kehadiran sosial; masalah kesihatan mental di kalangan pelajar dan staf akademik; pembelajaran yang memerlukan peralatan, ujikaji di makmal dan pembentukan kemahiran fizikal tidak dapat dilaksanakan; penyelidikan yang tergendala di kalangan pelajar-pelajar pasca siswazah yang memerlukan fasiliti secara fizikal di universiti seperti makmal makmal, peralatan teknologi dan studio.

### ***Strategi Jangka Pendek***

**Cadangan 3a:** Penekanan perlu diberikan kepada pelaksanaan PdPR berbanding PdP di sekolah, dan pelajar harus dibenarkan untuk memilih hadir bersekolah atau melalui PdPR. Pelaksanaan PdPR ini perlu memberikan tumpuan kepada pelajar SPM melalui pendekatan bersasar menggunakan pelbagai saluran. Pelajar pada tahap ini sudah matang untuk dibimbing bagi melaksanakan *self-directed learning*. Tumpuan khas juga perlu diberikan kepada kanak-kanak berusia lima hingga lapan tahun untuk menguasai kemahiran literasi dan mengira.

**Cadangan 3b:** Mencipta dan menghasilkan bahan-bahan PdP urutan bermodul dalam bentuk video dan bahan bercetak. TV Pendidikan perlu diperkemaskan dan menjadi suatu ciri utama dalam pendidikan negara. Ibubapa juga perlu diberi bimbingan untuk melaksanakan PdPR bagi membantu mereka menyokong pembelajaran anak-anak di rumah.

**Cadangan 3c:** Memperuntukkan dana yang lebih besar untuk pendidikan kanak-kanak sekolah rendah, menengah dan tinggi dari segi prasarana ICT (humanware, hardware dan software) dan infostruktur yang lengkap tanpa mengira etnik. Kerajaan perlu memastikan pelan data internet ini mampu milik pada masa akan datang.

**Cadangan 3d:** Mengadakan pusat-pusat komuniti di kawasan-kawasan perumahan di bandar dan perkampungan di luar bandar bagi menjadi pusat sehati untuk memperkasakan komuniti dan badan-badan bukan kerajaan untuk membantu penduduk setempat dalam pelbagai aspek yang diperlukan. Dari aspek pelajaran contohnya, pusat-pusat ini boleh digunakan untuk menyampaikan maklumat penting berkaitan pelajaran di sekolah seperti berkaitan peperiksaan, bantuan-bantuan teknikal, perkakasan dan data internet, sokongan kepada ibubapa untuk PdPR dan lain-lain aktiviti sokongan komuniti yang boleh dilaksanakan.

**Cadangan 3e:** Mengadakan latihan sistematik untuk pensyarah dalam pengajaran dan pembelajaran atas talian dengan menumpukan kepada dua atau tiga aplikasi berkesan sahaja untuk menjalankan kuliah secara interaktif dan berpusatkan pelajar, serta mewujudkan kehadiran sosial untuk menarik minat pelajar.

### ***Strategi Jangka Sederhana***

**Cadangan 3f:** Pembelajaran atas talian tidak sepatutnya dilihat sebagai fenomena sementara. PdP perlu beralih daripada berpusatkan sekolah kepada berpusatkan pelajar. Bagi institusi pengajian tinggi, kapasiti pembelajaran dalam talian perlu ditingkatkan melalui inovasi seperti *micro-credentials* dan pembelajaran hibrid bersemuka dan atas talian.

**Cadangan 3g:** Merancang pedagogi yang lebih teratur dan penilaian alternatif. Guru dan pensyarah perlu fokus kepada keupayaan pembelajaran pelajar berbanding menghabiskan silibus kurikulum. Buku mesti ditulis semula untuk pembelajaran sendiri. Pihak sekolah boleh membuat tuisyen atas talian bagi membantu pelajar memahami kandungan subjek. Penilaian formatif berkala untuk PdP perlu sesuai dan bertujuan untuk memperbaiki dan menilai kemajuan diri murid, dan bukan untuk pemilihan.

**Cadangan 3h:** Menambahbaik pencapaian internet di luar bandar termasuk kemudahan fizikal dan kesihatan sekolah, serta menghasilkan guru yang lebih terlatih. Pencapaian internet yang khusus untuk pembelajaran perlu diadakan di peringkat nasional dengan kos yang rendah kepada pengguna. Penggunaan satelit untuk capaian internet di kawasankawasan pendalaman orang asli juga perlu dipertingkatkan.

**Cadangan 3i:** Kementerian Pendidikan perlu mempunyai pangkalan data yang inklusif. Sekolah dan universiti juga perlu mempunyai pangkalan data yang baik tentang pelajar miskin khususnya daripada kumpulan B40. Kementerian juga perlu lebih inklusif dan mengadakan libat urus nasional dengan pelbagai pemegang taruh.

## **4. Strategi Sosial**

**Isu:** Pelaksanaan PKP untuk jangka masa yang panjang telah membawa beberapa masalah berikut iaitu rakyat sudah bosan dan letih; kebuntuan fikiran dan kemurungan rakyat akibat kehilangan pekerjaan dan punca pendapatan, bantuan kerajaan yang sedikit dan telah lama habis, serta kelaparan; keganasan dan krisis rumah tangga serta kes buruh diri yang meningkat; dan peningkatan kelas sosial baharu “precarariat” yang menghadapi *existential precarity* termasuklah kehidupan yang terancam, tanpa identiti pekerjaan dan hidup tidak menentu.

### ***Strategi Jangka Pendek dan Sederhana***

**Cadangan 4a:** Mengobarkan daya tahan masyarakat, ‘re-energise and reinvent society’, terus mobilisasi masyarakat, menyuntik semangat bahawa akan ada hari depan bersama selagi rakyat berdiri teguh dan tabah. Mobilisasi ini harus dilaksanakan serentak dari bawah ke atas, dan atas ke bawah.

**Cadangan 4b:** Menyokong kuat peranan sektor ketiga iaitu NGO yang giat membantu masyarakat yang memerlukan; mengiktiraf peranan dan sumbangan mereka sebagai satu

kategori barisan hadapan antaranya dengan pemberian vaksin. Mewujudkan mekanisme nasional untuk menyelaraskan peranan NGO selain menyediakan platform untuk pelbagai NGO bertemu dan mengeluarkan pendapat dan berkongsi pengalaman.

**Cadangan 4c:** Mengembangkan peranan pimpinan akar umbi dan organisasi berasaskan komuniti (CBO) (termasuk institusi masjid/surau) untuk mendampingi rakyat dalam komuniti masing-masing. Aktor-aktor ini perlu cakna terhadap setiap unit isirumah/keluarga yang menghadapi masalah tekanan hidup dan memerlukan bantuan, serta menghubungkan mereka dengan jaringan untuk terus mendapat bantuan.

**Cadangan 4d:** Menggembleng tenaga dan sumbangan golongan dermawan/filantropis dan pihak swasta melalui penubuhan Dana Khas yang diurus secara telus dan bertanggungjawab bagi membantu masyarakat. Bagi menggalakkan derma ini, kerajaan boleh mempertimbangkan pengecualian cukai pendapatan.

**Cadangan 4e:** Kerajaan perlu memastikan tiada golongan penduduk yang tersingkir dari program vaksinasi, termasuk pendatang asing tanpa izin (PATI).

## **5. Strategi Governans dan Politik**

**Isu:** Usaha kerajaan untuk menangani COVID-19 menonjolkan beberapa kelemahan governans berikut iaitu; SOP yang bertukar-tukar dan mengelirukan, serta SOP yang dilihat berbeza bagi golongan VIP; penguatkuasaan yang tidak konsisten; data yang tidak dikongsi dengan umum; kepimpinan yang lambat belajar daripada amalan terbaik khususnya dari negara Timur; dasar yang bersifat ‘kitaran’, tidak menyeluruh dan bercanggah; kecenderungan untuk membuat dasar “hutan rimba” berbanding “pokok dan habitat yang hidup di dalamnya”; kabinet yang tidak efisien; defisit kepercayaan; integriti yang rendah; persepsi tentang rasuah, salah guna kuasa, dan politik naungan; persepsi wujud manipulasi agama untuk tujuan politik; persepsi bahawa barisan pimpinan dan ahli politik berjuang bukannya untuk memberi khidmat terbaik untuk rakyat dan negara; dan kurang penyelarasan antara kerajaan pusat dengan negeri.

### ***Strategi Jangka Pendek***

**Cadangan 5a:** Menekankan prinsip ketelusan, kebertanggungjawaban, semak dan imbang serta tadbir urus yang baik dalam perancangan dan pelaksanaan dasar serta mengutamakan kepentingan nasional. RTD menyokong penuh titah Majlis Raja-Raja pada 16 Jun 2021 agar Darurat ditamatkan segera pada 1 Ogos 2021. RTD turut menyokong penuh titah KDYMM YDPA pada tarikh yang sama supaya Parlimen dibuka dengan segera sebelum 1 Ogos 2021 untuk membahaskan ordinan Darurat, wabak COVID-19, krisis ekonomi dan urusan perbelanjaan negara.

**Cadangan 5b:** Dari segi pembuatan dasar, kerajaan perlu lebih inklusif dan mengadakan libat urus nasional dengan pelbagai pemegang taruh. Strategi ini efektif seperti yang dilakukan sebelum ini iaitu menggunakan laborator dasar yang melibatkan pelbagai

pemegang taruh untuk mencapai penyelesaian demokratik. Pembuatan keputusan bukan terletak di tangan beberapa teknokrat/ahli politik yang tidak pernah memijak padang yang digelumangi oleh rakyat dan pemain industri. Pendekatan ini berpotensi membentuk dasar yang lebih inklusif.

**Cadangan 5c:** Merencana SOP yang jelas dan konsisten yang tidak tertakluk kepada pentafsiran oleh pelbagai pihak berkuasa. Mana-mana VIP, terutama menteri yang melanggar SOP perlu diambil tindakan sewajarnya dan harus meletak jawatan. Peranan pihak tentera wajar diperluaskan untuk memastikan pematuhan SOP di kilang-kilang.

**Cadangan 5d:** Memperkemas cara kerja MKN. Bagi meningkatkan keberkesanan perancangan dan pelaksanaan strategi, MKN perlu juga dianggotai oleh pihak pembangkang, wakil sektor swasta, wakil NGO dan pakar atau ilmunan.

**Cadangan 5e:** Mewujudkan sebuah kerajaan baharu gabungan politisi rentas parti dengan teknokrat yang didukung oleh sebuah kabinet yang kecil tetapi cekap dan berkesan.

**Cadangan 5f:** Menggunakan Data Driven Analytics dalam semua dasar, peraturan dan SOP. Membuat keputusan dan cadangan berdasarkan data dan bukannya andaian.

### ***Strategi Jangka Sederhana***

**Cadangan 5g:** Melengkapkan Bank Data Kerajaan. Pihak kerajaan wajar mempunyai bank data yang lengkap, saling berhubung secara atas talian dengan pelbagai agensi kerajaan pusat, negeri dan daerah, serta sentiasa dikemaskini. Ini bagi membolehkan pemberian bantuan oleh pihak kerajaan sampai kepada golongan sasaran yang telah dikenalpasti. Selain itu, ia juga sangat membantu dalam pelaksanaan Sistem Jaringan Sosial di peringkat kerajaan pusat dan negeri supaya golongan yang mudah miskin tidak menjadi miskin dalam tempoh PKP.

**Cadangan 5h:** Malaysia perlu terus berpegang teguh kepada Dasar Berkecuali yang bebas dan aktif yang digarap dalam ZOPFAN pada November 1971. Malaysia harus mengambil kira situasi geopolitik yang baharu dan Perang Dingin baharu antara AS dan sekutunya di satu pihak dengan China dan Rusia di pihak lain. Sebagai negara kecil, Malaysia harus bersama ASEAN dalam meneruskan dasar berkecuali, menggerak semula semangat Bandung 1955 dan Gerakan Negara-negara Berkecuali. Memperkasakan Dasar Berkecuali ini sangat penting dan strategik agar kepentingan negara-negara kecil dan sederhana dalam pelbagai segi seperti meningkatkan kesihatan awam, melawan pandemik dengan meningkatkan vaksinasi dan bekalan vaksin serta menangani krisis ekonomi dapat diperjuangkan secara kolektif dan memperoleh hasil yang lebih berkesan.